



Anwar menerima kunjungan hormat Azhan di Bangunan Parlimen, semalam. (Foto ihsan PMO)

Profesionalisme perkukuh kepercayaan institusi pertahanan

Kuala Lumpur: Datuk Seri Anwar Ibrahim menegaskan, kepercayaan rakyat terhadap institusi pertahanan negara tidak boleh dibina dengan slogan semata-mata, sebaliknya mesti diperkukuh melalui profesionalisme, akauntabiliti dan integriti yang tegas serta konsisten dalam setiap lapisan pentadbiran dan operasi.

Perdana Menteri berkata, dalam konteks cabaran semasa, termasuk isu salah guna kuasa dan rasuah yang boleh mencalar imej institusi, tiada kompromi terhadap pelanggaran amanah lantas menuntut ketelusan, kejujuran dan keberanian untuk membersihkan kelemahan demi memelihara maruah Angkatan

Tentera Malaysia (ATM).

“Kerajaan MADANI akan terus mendukung usaha Tentera Darat untuk kekal sebagai pasukan yang berwibawa, profesional dan disegani, di samping memastikan kebajikan pegawai, anggota, keluarga serta veteran sentiasa diberi perhatian sewajarnya,” katanya dalam hantaran di Facebook, semalam.

Anwar berkata demikian selepas menerima kunjungan hormat Panglima Tentera Darat yang baharu, Jeneral Datuk Azhan Md Othman, bagi membincangkan peranan strategik Tentera Darat Malaysia sebagai benteng pertahanan negara serta sandaran harapan seluruh rakyat.